

KENAPA AWDA PERLU MEMPUNYAI INSURANS KEMBARA

MELANCONG KE LUAR NEGARA ADALAH SANGAT MENYERONOKKAN ...

Akan tetapi bagaimana jika sekiranya

- Penerbangan awda ditangguhkan disebabkan oleh masalah teknikal atau cuaca buruk?
- Bagasi awda terlewat atau telah dicuri?
- Awda mengalami kemalangan atau jatuh sakit?



Kita lazimnya merasa teruja dan seronok ketika membuat perancangan untuk melancong ke luar negara samada untuk diri sendiri mahupun bersama orang-orang tersayang dan akan meluangkan masa dan berusaha untuk memastikan semuanya akan berjalan dengan lancar. Setentunya perkara terakhir yang awda mahu adalah sesuatu yang tidak diingini terjadi semasa percutian awda mahupun semasa urusan kerja di luar negeri. Insurans kembara memberikan perlindungan yang berharga semasa berada di luar negeri, akan tetapi ianya sering diabaikan oleh orang ramai. Tanyakan diri awda sendiri sebelum ke luar negara: Adakah awda bersedia untuk mengembara ke luar negara tanpa sebarang perlindungan daripada pelbagai munasabah? Apakah kesan terhadap bajet percutian awda di luar negara jika awda terpaksa menampung perbelanjaan perubatan awda sendiri.

Apakah insurans kembara?

Insurans kembara adalah produk yang direka khas untuk memberikan perlindungan terhadap kemalangan diri, perbelanjaan perubatan, pembatalan dan kelewatan perjalanan, kehilangan bagasi, kemalangan penerbangan dan kerugian lain yang ditanggung semasa perjalanan, sama ada bercuti, berniaga atau berkerja.

Kenapa awda perlu mempunyai insurans kembara?

Dengan mempunyai perlindungan yang betul, awda akan merasa lebih tenang di sepanjang perjalanan awda, sama ada bagi urusan kerja mahupun percutian. Kos terbesar yang awda akan tanggung semasa dalam perjalanan adalah perbelanjaan perubatan yang perlu awda atau ahli keluarga awda bayar jika salah seorang jatuh sakit atau ditimpa kemalangan semasa berada di luar negara. Tanpa insurans kembara, keseronokkan dan rencana kembara awda dan keluarga awda boleh terjejas dengan bil perubatan yang tinggi.

Panduan untuk membeli insurans kembara

1. Tanyakan diri awda:

- Ke mana saya hendak pergi?
- Berapa lamakah saya akan keluar negeri?
- Apa yang akan saya lakukan di sana?
- Adakah saya akan membawa bersama barang-barang berharga?
- Adakah saya mempunyai masalah kesihatan?

Sediakan senarai perkara-perkara yang awda perlukan di dalam perlindungan kembara awda semasa lawatan awda keluar negeri.

2. Perkara-perkara yang perlu diteliti:

- **Semak harga!!** – Lazimnya, harga yang lebih rendah bermakna awda akan mendapat perlindungan yang minima. Pastikan awda membayar untuk polisi insurans kembara yang awda perlukan dengan harga yang tepat.
- **Semak pengecualian di dalam polisi awda** – pastikan awda selalu bertanya perlindungan yang termasuk dan yang tidak termasuk di dalam polisi awda.
- **Berhati-hati dengan ekses** – jumlah tuntutan insurans yang perlu awda bayar menggunakan bajet awda sendiri. Sebagai contoh, jika polisi insurans awda mempunyai ekses sebanyak BND 50 dan tuntutan awda berjumlah BND 500, awda hanya akan menerima sebanyak BND 450 daripada syarikat insurans / pengendali takaful awda.

3. Ketahui bagaimana untuk membuat tuntutan

- **Bawa bersama polisi insurans awda semasa perjalanan awda supaya awda boleh merujuk prosedur-prosedur penting jika perlu.**
- **Apakah bukti yang awda perlukan untuk membuat tuntutan** – Jika awda jatuh sakit atau telah dimasukkan ke hospital, dokumen perubatan mungkin diperlukan. Jika bagasi awda telah ditangguhkan, bukti daripada syarikat penerbangan dan apa-apa resit untuk pembelian keperluan selama bagasi awda ditangguhkan juga akan diperlukan.
- **Bagaimana untuk menghubungi pengendali takaful/ syarikat insurans awda jika awda berada di luar negara**

Perlindungan insurans / takaful kembara

Terdapat pelbagai polisi kembara yang ditawarkan oleh pengendali takaful dan syarikat-syarikat insurans yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam. Kebanyakkan syarikat penerbangan juga membolehkan awda memilih insurans kembara apabila awda membeli tiket secara *online*. Ia mungkin kelihatan mudah, tetapi pastikan perlindungan yang ditawarkan menepati keperluan

awda. Awda juga dinasihatkan untuk meneliti polisi kembara yang ditawarkan di pasaran sebelum membuat keputusan untuk mengambil perlindungan tersebut.

Perlindungan yang lazimnya ditawarkan di Negara Brunei Darussalam termasuk:
Perbelanjaan perubatan daripada kecederaan diri atau jatuh sakit, kehilangan barang-barang, kecurian, dan pelan perjalanan yang terganggu (sebagai contoh, penerbangan yang ditangguhkan atau dibatalkan).

Insurans kembara secara lazimnya tidak melindungi: penyakit atau kecederaan akibat keadaan kesihatan yang sedia ada, kecederaan dari sukan ekstrem, dan kerugian atau kecederaan akibat tindakan keganasan, peperangan dan beberapa bencana alam.

Nota: Sila semak dengan pembekal insurans / takaful awda tentang perlindungan awda dan perlindungan yang boleh didapati secara tambahan bagi polisi awda

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai Takaful dan Insurans, awda bolehlah memuat turun "*My Takaful and Insurance Book*", daripada www.ambd.gov.bn. Awda juga boleh memuat turun aplikasi telefon pintar AMBD yang boleh dimuat turun secara percuma melalui 'App Store' bagi pengguna iPhone dan 'Google Playstore' bagi pengguna Android, bagi mendapatkan senarai pengendali-pengendali Takaful dan syarikat-syarikat insurans yang berdaftar.

Disediakan oleh: **Autoriti Monetari Brunei Darussalam**